



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 28
No. 11

10hb Mei 1984

*TAMBAHAN No. 29
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 167.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (ITALY) 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut:

*Akta 53.
45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Itali) 1984.**

Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Republik Itali dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Itali (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu dan bahawa adalah bermanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

*Pelepasan
Cukai dua
kali*

JADUAL

(Perenggan 2)

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN
KERAJAAN REPUBLIK ITALI BAGI MENGELAKKAN
CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN
FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS
PENDAPATAN**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Itali, dengan hasrat hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali

dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI;

1. Cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian ini ialah:
 - (a) berkenaan dengan Itali:
 - cukai pendapatan persendirian (l'imposta sul reddito delle persone fisiche);
 - cukai pendapatan syarikat (l'imposta sul reddito delle persone giuridiche);walaupun cukai itu dipungut dengan cara menahan cukai dipunca;
(kemudian daripada ini disebut "cukai Itali").
 - (b) berkenaan dengan Malaysia:
 - cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;
 - cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan
 - cukai pendapatan petroleum;(kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia").
2. Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau sebahagiannya sama yang dikenakan selepas tarikh penandatanganan Perjanjian ini sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain akan apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mereka masing-masing.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :
 - (a) istilah "Malaysia" ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan perairan wilayah Malaysia yang telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia mengenai Pelantar Benua sebagai suatu yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah bawah dan hasil-hasil buminya;
 - (b) istilah "Itali" ertinya Republik Itali dan termasuklah kawasan-kawasan di luar laut wilayah Itali dan khususnya dasar laut dan tanah bawah yang bersempadanan dengan wilayah-wilayah semenanjung itu dan pulau-pulau Itali dan

terletak di luar laut wilayah itu hingga ke sempadan yang ditetapkan oleh undang-undang Itali sebagai kawasan yang dalamnya boleh dijalankan penyelidikan dan pengeksploitasian hasil-hasil bumi kawasan tersebut;

- (c) istilah-istilah “suatu Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi itu” ertinya Itali atau Malaysia, sebagaimana dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (d) istilah “orang” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam undang-undang percukaian Negara-negara Pejanji masing-masing;
- (e) istilah “syarikat” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan di bawah undang-undang percukaian Negara-negara Pejanji itu masing-masing;
- (f) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Itali, sebagaimana dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (g) istilah-istilah “enterpris suatu Negara Pejanji” dan “enterpris Negara Pejanji yang satu lagi itu” masing-masing ertinya sesuatu enterpris yang dijalankan oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji dan sesuatu enterpris yang dijalankan oleh seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (h) istilah “lalu lintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan oleh suatu kapal atau kapal udara yang dikendalikan oleh sesuatu enterpris yang mempunyai tempat pengurusannya yang berkesan di dalam suatu Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau kapal udara itu dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (i) istilah “rakyat” ertinya :
 - (1) seseorang individu yang memiliki kerakyatan atau kewarganegaraan suatu Negara Pejanji;
 - (2) mana-mana orang di sisi undang-undang perkongsian, persatuan dan entiti-entiti lain yang memperolehi statusnya sedemikian dari undang-undang yang berkuatkuasa dalam suatu Negara Pejanji;
- (j) istilah “pihak berkuasa yang kompeten” ertinya:
 - (1) berkenaan dengan Itali, Kementerian Kewangan;
 - (2) berkenaan dengan Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara Pejanji itu berhubungan dengan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian ini.

Perkara 4**DOMISIL FISKAL**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin suatu Negara Pejanji” ertinya:
 - (a) berkenaan dengan Itali, seseorang yang bermastautin dalam Itali bagi maksud-maksud cukai Itali; atau
 - (b) berkenaan dengan, Malaysia, seseorang yang bermastautin dalam Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia.
2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut:
 - (a) ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana ia mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara Pejanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang perlu);
 - (b) jika Negara Pejanji di mana ia mempunyai pusat kepengannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika ia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara Pejanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Pejanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara Pejanji itu, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji yang mana ianya adalah seorang rakyat;
 - (d) jika ianya seorang rakyat kedua-dua Negara Pejanji atau bukannya rakyat mana-mana satu Negara Pejanji itu, pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji itu hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.
3. Jika, oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang lain daripada seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana terletak tempat pengurusannya yang berkesan.

Perkara 5**ESTABLISYMEN TETAP**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “establisymen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana keseluruhan atau sebahagian dari perniagaan enterprais itu dijalankan.
2. Istilah “establisymen tetap” hendaklah termasuk terutama sekali-
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;

- (c) suatu pejabat;
- (d) suatu kilang;
- (e) suatu woksyp;
- (f) suatu kebun atau ladang;
- (g) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan;
- (h) suatu tapak bangunan atau projek binaan, pemasangan atau pemasangan yang sedia ada selama lebih daripada enam bulan.

3. Istilah “establisymen tetap” tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penstoran, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
- (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penstoran, pameran atau penyerahan;
- (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;
- (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan atau bagi mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;
- (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, untuk memberi maklumat, bagi penyelidikan sains atau bagi aktiviti-aktiviti yang seumpamanya yang bersifat persediaan atau bersampingan, untuk enterprais itu.

4. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkaitan dengan projek binaan, pemasangan atau pemasangan yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

5. Seseorang yang bertindak dalam suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi-lain daripada seorang ejen yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 dipakai-hendaklah disifatkan sebagai suatu establisymen tetap dalam Negara yang mula-mula disebut itu, jika-

- (a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu;

- (b) ia tidak mempunyai kuasa tersebut tetapi menyenggara dalam Negara yang mula-mula disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan dari mana ia lazimnya menyerahkan barang-barang atau dagangan bagi pihak enterprais itu.
6. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.
7. Hakikatnya bahawa sesuatu syarikat yang menjadi pemas-tautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat itu suatu establisymen tetap bagi syarikat yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, (sama ada melalui suatu establisymen tetap atau selainnya) tidak dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establisymen tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAKALIH

1. Pendapatan yang diperolehi daripada harta takalih boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana terletakinya harta itu.
2. Istilah “harta takalih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana terletakinya harta itu. Bagaimanapun istilah ini hendaklah termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai. Istilah itu hendaklah juga termasuk hak bagi menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak untuk mengusahakan, longgokan mineral, telaga minyak atau telaga gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan. Kapal, bot dan kapal udara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.
3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta takalih dengan apa-apa cara lain.
4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan daripada harta takalih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada harta takalih yang digunakan bagi perlaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara 7**PENDAPATAN PERNIAGAAN**

1. Pendapatan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja, melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, maka pendapatan enterprais itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu tetapi hanya di atas sekian banyak daripada pendapatan itu yang boleh dikaitkan dengan establisymen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika suatu enterprais suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Pejanji dikaitkan dengan establisymen tetap itu pendapatan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ianya suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan menyelenggarakan urusan dengan sepenuh kebebasan dengan enterprais yang mana ianya adalah suatu establisymen tetap.
3. Pada menentukan keuntungan suatu establisymen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan belanja yang dilakukan bagi maksud establisymen tetap itu, termasuk belanja-belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am yang dilakukan demikian, sama ada dalam Negara di mana establisymen tetap itu terletak atau di tempat-tempat lain.
4. Tiada apa-apa jua pendapatan boleh dikaitkan dengan suatu establisymen tetap semata-mata oleh sebab establisymen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.
5. Bagi maksud-maksud perenggan-perenggan di atas, pendapatan yang hendak dikaitkan dengan establisymen tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama dari setahun ke setahun, melainkan jika ada sebab yang baik dan cukup sebaliknya.
6. Jika pendapatan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Perkara-perkara lain dalam Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-perkara lain itu tidaklah terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8**PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA**

1. Pendapatan sesuatu enterprais daripada pengendalian kapal atau kapal udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji dalam masa terletaknya tempat pengurusan enterprais itu yang berkesan.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan yang diperolehi daripada penyertaan dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

ENTERPRAIS BERSEKUTU

Jika-

- (a) suatu enterprais suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais suatu Negara Pejanji dan suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan antara kedua-dua enterprais itu dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dibuat antara enterprais-enterprais bersendirian, maka apa-apa pendapatan atau keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat itu, tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam pendapatan atau keuntungan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi.

2. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Itali kepada seorang pemastautin Malaysia boleh dicukai di Itali, dan mengikut undang-undang Itali, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial dividen itu maka cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada amaun kasar dividen itu.

3. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastautin Itali yang menjadi pemunya benefisial dan tertakluk kepada cukai Itali mengenainya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicaj atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan atas pendapatan syarikat itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan dari dividen itu cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan mengikut kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

4. Jika selepas tarikh perjanjian ini ditandatangani sistem percukaian Malaysia yang dipakai bagi pendapatan dan pembahagian syarikat-syarikat diubah dengan mengadakan suatu cukai perbadanan (yang tiada apa-apa kredit diberi kepada pemegang-pemegang syernya) dan cukai tambahan ke atas dividen, maka cukai Malaysia yang boleh dikenakan ke atas dividen yang dibayar kepada seseorang pemastautin Itali tidak boleh melebihi 10 peratus daripada amaun kasar dividen itu.
5. Tiada apa-apa jua dalam perenggan di atas Perkara ini boleh menyentuh percukaian syarikat berkenaan dengan keuntungan yang darinya dividen itu dibayar.
6. Istilah “dividen” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari syer-syer, syer “jouissance” atau hak “jouissance”, syer perlombongan, syer pengasas atau hak-hak lain, yang bukannya tuntutan hutang, menyertai keuntungan atau pendapatan, dan juga pendapatan dari lain-lain hak perbadanan yang diasimilasikan dengan pendapatan dari syer mengikut undang-undang percukaian Negara Pejanji yang mana syarikat yang membuat pengagihan itu adalah seorang pemastautin.
7. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2, 3 dan 4 Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, mempunyai di Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin, suatu establisymen tetap yang berkaitan secara berkesan dengan pemegangan yang oleh sebabnya dividen itu dibayar. Dalam hal yang sedemikian, dividen itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu mengikut undang-undangnya sendiri.
8. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperolehi keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi itu, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat yang dividen itu dibayar kepada seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu atau setakat yang pemegangan yang mengenainya dividen itu dihayar adalah berkaitan secara berkesan dengan suatu establisymen tetap yang terletak dalam Negara yang satu lagi itu, atau dikenakan cukai keuntungan tak agih ke atas keuntungan tak agih syarikat itu, mestipun dividen yang dibayar atau keuntungan tak agih itu terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada keuntungan atau pendapatan yang terbit dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana ianya terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial kepentingan itu maka cukai yang dicaj demikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini, bunga yang dibayar kepada seorang permastautin Itali hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman itu atau lain-lain keterhutangan yang mengenainya bunga itu dibayar adalah suatu pinjaman yang diluluskan atau pinjaman jangka panjang.
4. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara itu jika bunga tersebut dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi itu atau pihak berkuasa tempatan atau sesuatu agensi atau perantaraan (termasuk institusi kewangan) berkenaan dengan pinjaman yang dibuat berhubung dengan perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan-Kerajaan Negara Pejanji.
5. Istilah “bunga” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari sekuriti, bon atau dibentur Kerajaan, sama ada dicagarkan dengan cara gadai janji atau tidak dan sama ada memberi hak untuk menyertai dalam keuntungan-keuntungan atau tidak, dan tiap-tiap jenis tuntutan hutang dan juga segala pendapatan lain yang diasimilasikan dengan pendapatan dari wang yang dipinjamkan mengikut undang-undang percukaian bagi Negara Pejanji di mana terbitnya pendapatan itu.
6. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika penerima kepentingan itu, yang menjadi seorang pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perdagangan atau perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang mengenainya bunga itu dibayar ada kaitannya secara berkesan dengan establisymen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, bunga itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu mengikut undang-undang sendiri.
7. Bunga hendaklah disifatkan terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik atau pentadbiran, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada ia seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai suatu establisymen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang berkenaan dengannya hutang atas mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establisymen tetap itu terletak.
8. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima jika tidak ada perhubungan itu; maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap kena dicukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Pejanji itu, dengan memberi perhatian wajar kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 12**ROYALTI**

1. Royalti yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial royalti itu, maka cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar royalti itu.
3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti perindustrian yang diluluskan yang diperolehi daripada Malaysia oleh pemastautin Itali yang menjadi pemunya benefisial royalti itu adalah dikecualikan daripada cukai Malaysia.
4. Istilah “royalti” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi penggunaan, atau hak untuk mengguna, apa-apa hakcipta karya sastera, hasil kerja kesenian atau saintifik, paten, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau bagi penggunaan, atau hak untuk mengguna, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik, atau bagi maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik. Walau bagaimanapun, istilah itu tidak termasuk apa-apa royalti atau lain-lain amaun yang dibayar berkenaan dengan filem-filem wayang gambar, atau pita-pita untuk siaran radio atau televisyen.
5. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, mempunyai establisymen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana royalti itu terbit yang ada kaitannya secara berkesan dengan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, royalti itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu mengikut undang-undangnya sendiri.
6. Royalti hendaklah disifatkan terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, suatu bahagian kecil politik, atau pentadbiran suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti itu, sama ada ia seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai establisymen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang berkenaan dengannya tanggungan untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit dalam Negara Pejanji di mana establisymen tetap itu terletak.
7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, amaun royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima itu jika tidak ada

perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu tetaplah kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap, satu Negara Pejanji, dengan memberi perhatian wajar kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 13

LABA MODAL

1. Laba daripada pemberian milik harta takalih, sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana terletak harta itu.
2. Laba daripada pemberian milik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu establisymen tetap yang dipunyai oleh suatu enterprais suatu Negara Pejanji dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, termasuk apa-apa laba daripada pemberian milik sesuatu establisymen tetap itu (establisymen itu sahaja atau bersama-sama dengan enterprais itu kesemuanya), boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu. Bagaimanapun, laba daripada pemberian milik kapal atau kapal udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa atau harta alih berhubung dengan pengendalian kapal atau kapal udara itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji di mana terletak tempat pengurusan enterprais itu yang berkesan.
3. Laba daripada pemberian milik apa-apa harta lain daripada harta yang tersebut dalam perenggan 1 dan 2 hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji di mana pemberi milik itu adalah seorang pemastautin.

Perkara 14

PERKHIDMATAN DIRI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara-perkara 15, 17, 18, 19 dan 20, gaji, upahan dan lain-lain saraan atau pendapatan serupa itu yang diperolehi oleh seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan diri (termasuk perkhidmatan profesional) hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu melainkan jika perkhidmatan atau aktiviti itu dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu. Jika perkhidmatan itu dijalankan sedemikian, maka apa-apa saraan atau pendapatan yang diperolehi daripadanya boleh cukai dalam Negara yang satu lagi itu.
2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan atau pendapatan yang diperolehi oleh seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan diri (termasuk perkhidmatan profesional) yang dijalankan dalam suatu Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu, jika—
 - (a) penerimanya berada dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlah kesemuanya tidak lebih daripada 183 hari dalam suatu tahun kalendar, dan

- (b) saraan atau pendapatan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang yang bukannya pemastautin Negara yang satu lagi itu, dan
- (c) saraan atau pendapatan itu tidak ditanggung oleh establisymen tetap yang dipunyai oleh orang itu dalam Negara yang satu lagi itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan tersebut di atas dalam Perkara ini, saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau kapal udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji di mana terletak tempat pengurusannya yang berkesan.

Perkara 15

FEE PENGARAH

Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14, fee pengarah dan bayaran-bayaran serupa itu yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai ahli lembaga pengarah sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 16

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14, pendapatan yang boleh diperolehi oleh seseorang penghibur, iaitu seperti seniman pentas, wayang gambar, radio atau televisyen, dan ahli muzik atau olahragawan, dari aktiviti-aktiviti persendirian mereka sedemikian boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.

2. Jika pendapatan mengenai aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan sebagai seorang penghibur atau olahragawan sedemikian tidak terakru kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada seorang yang lain, maka pendapatan itu boleh, walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara-perkara 7 dan 14, dicukai dalam Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.

3. Peruntukan-peruntukan Perenggan 1 dan 2 tidak boleh dipakai bagi saraan atau keuntungan yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam suatu Negara Pejanji jika lawatannya ke Negara Pejanji itu ditanggung secara langsung atau secara taklangsung, keseluruhannya atau sebahagian besarnya, daripada wang awam Negara Pejanji yang satu lagi itu, suatu bahagian-kecil politik atau pentadbiran, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 17

PENCEN

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 18, pencen dan lain-lain saraan serupa itu yang dibayar kepada seorang pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai balasan kepada pekerjaan yang lalu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu.

Perkara 18**FUNGSI-FUNGSI KERAJAAN**

1. (a) Saraan, lain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau suatu bahagian-kecil politik atau pentadbiran atau suatu pihak berkuasa tempatannya kepada seseorang individu ber-kenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau bahagian-kecil politik atau pentadbiran atau pihak berkuasa tempatannya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu jika perkhidmatan itu diberi dalam Negara itu dan penerima saraan itu adalah seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu dan ia—

(i) adalah rakyat Negara itu; dan

(ii) tidak menjadi seorang pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada wang yang diadakan oleh, suatu Negara Pejanji atau suatu, bahagian-kecil politik atau pentadbiran atau suatu pihak berkuasa tempatannya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau bahagian-kecil politik atau pentadbiran atau pihak berkuasa tempatannya hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu melainkan jika individu itu adalah seorang rakyat, dan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 14, 15 dan 17 hendaklah dipakai bagi saraan atau pencen berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi berhubungan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau suatu bahagian-kecil politik atau pentadbiran atau suatu pihak berkuasa tempatannya.

Perkara 19**PROFESOR DAN GURU**

Seseorang individu yang, atas jemputan sesuatu universiti, kolej, sekolah atau lain-lain institusi pelajaran serupa itu yang diiktiraf dalam suatu Negara Pejanji, melawat Negara itu selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau membuat penyelidikan atau kedua-duanya di institusi pelajaran itu dan yang menjadi, atau telah menjadi sebelum sahaja lawatan itu, seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara yang mula-mula disebut itu atas apa-apa saraan bagi mengajar atau membuat penyelidikan yang berkenaan dengannya ia dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 20**PENUNTUT DAN PERANTIS PERNIAGAAN**

Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji dan berada untuk sementara dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata—

(a) sebagai penuntut universiti, kolej atau sekolah dalam Negara yang satu lagi itu,

- (b) sebagai perantis perniagaan atau teknik, atau
- (c) sebagai penerima pemberian, elaun atau award yang maksud utamanya ialah untuk menjalankan pengajian atau penyelidikan daripada pertubuhan ugama, khairat, saintifik atau pelajaran

tidak boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu berkenaan dengan remitan dari luar negeri bagi maksud-maksud saraan hidup, pelajaran atau latihannya atau berkenaan dengan suatu pemberian biasiswa. Syarat yang sama hendaklah juga dipakai bagi apa-apa amaun yang merupakan saraan bagi perkhidmatan yang diberi dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, dengan syarat bahawa perkhidmatan itu adalah berhubung dengan pengajian, atau latihan amalinya atau perlu bagi maksud sara hidupnya selama suatu tempoh masa yang munasabahnyanya dikehendaki untuk menamatkan latihan atau pengajiannya di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 21

LAIN-LAIN PENDAPATAN

Butiran butiran pendapatan seorang pemastautin sesuatu Negara Pejanji yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Perkara-perkara di atas dalam Perjanjian ini boleh dicukai dalam kedua-dua Negara Pejanji itu.

Perkara 22

CARA MENGHAPUSKAN CUKAI DUA KALI

1. Adalah dipersetujui bahawa cukai dua kali hendaklah dielakkan menurut perenggan-perenggan yang berikut dalam Perkara ini.
2. Jika seseorang pemastautin Itali mempunyai butiran-butiran pendapatan yang boleh dicukai dalam Malaysia, Itali, pada menentukan cukai pendapatannya yang dinyatakan dalam Perkara 2 Perjanjian ini, boleh memasukkan ke dalam asas yang cukai itu dikenakan butiran-butiran pendapatan itu, melainkan jika peruntukan-peruntukan tertentu Akta ini memperuntukkan selainnya.

Dalam hal yang sedemikian, Itali hendaklah memotong daripada cukai yang dikira demikian cukai Malaysia atas pendapatan itu, tetapi setakat amaun yang tidak lebih dari pada kadar cukai Itali tersebut dulu yang butiran-butiran pendapatan itu berbanding dengan pendapatan keseluruhannya.

Sebaliknya, tiada apa-apa potongan boleh diberi jika butiran-butiran pendapatan itu tertakluk kepada cukai tahanan muktamad di Itali atas permintaan penerima pendapatan tersebut mengikut undang-undang Itali.

